

TERBUTALINE

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Ubat ini digunakan untuk merawat lelah (asma), bronkitis dan penyakit paru-paru yang lain. Juga digunakan ketika kehamilan untuk menghentikan pengecutan kelahiran ketika kelahiran terlalu awal (kelahiran pramatang).

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan mengembangkan salur pernafasan.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA MENGGUNAKANNYA

- ✚ Sila ambil ubat mengikut arahan doktor
- ✚ Ubat ini boleh diambil sebelum atau selepas makan



B. JIKA TERLUPA

- ✚ Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja teringat kecuali jika terlewat lebih dari sejam.
- ✚ Jika terlewat lebih dari sejam, tinggalkan dos yang terlepas dan kembali kepada jadual asal. Jangan ambil 2 dos pada satu masa.
- ✚ Jika anda menggunakan ubat ini ketika hamil dan tertinggal satu dos, pengecutan mungkin akan bermula semula. Sila hubungi doktor anda jika mengalami pengecutan rahim.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Pastikan tablet disimpan pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!



➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai sebarang penyakit dan mengambil ubat (jantung, darah tinggi atau tekanan (depresi) yang mungkin kontraindikasi dengan ubat ini.
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

Mengambil ubat ini untuk mengelakkan kelahiran pramatan doktor anda mungkin menghendaki anda untuk berehat dan berada di atas katil sebanyak mungkin. Anda mungkin perlu ke klinik atau hospital untuk memeriksa aktiviti pengecutan rahim.



AMARAN !!

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

E. KESAN SAMPING UBAT

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Tindak balas alahan: gatal-gatal, bengkak pada muka dan tangan, bengkak atau rasa mencucuk-cucuk pada mulut dan kerongkong, sesak dada atau masalah pernafasan
 - Loya dan muntah yang berterusan
 - Pening dan mengantuk yang teruk
 - Sakit kepala yang teruk dan menggeletar
 - Kulit kelihatan pucat atau kebiruan
 - Mengalami kejang otot dan lemah otot yang teruk

Rujukan:

- Risalah maklumat ubat
- Drugs.com

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
